



## KOLEJ PROFESIONAL MARA INDERA MAHKOTA

Lot No. 14687  
Jalan Sungai Lembing  
25200 KUANTAN  
PAHANG



Tel : 09-573 6304 / 6346

Faks : 09-573 6423

Laman Web : [www.kpmim.edu.my](http://www.kpmim.edu.my)

No. Rujukan Kami : KPM/KTN/HEP C1.JLD2(120)  
Tarikh : 4 September 2020

### Semua Pelajar KPMIM Yang Sedang Belajar di Rumah (BDR)

Saudara/saudari,

#### MAKLUMAN PENDAFTARAN PELAJAR KANAN KOLEJ PROFESIONAL MARA INDERA MAHKOTA (KPMIM) YANG SEDANG BELAJAR DI RUMAH (BDR) PADA SESI 2/2020

Perkara di atas dengan hormatnya adalah dirujuk.

Memo daripada Bahagian Pendidikan Tinggi MARA bertarikh 25 Ogos 2020 bertajuk Pembelajaran Secara Bersemuka bagi Pelajar Kanan KPM Sesi 2/2020 Ambilan Julai adalah dirujuk.

Sepertimana hebahan maklumat yang dibuat oleh pihak kolej melalui aplikasi WhatsApp Kumpulan Homeroom, Telegram MPP dan Telegram Asrama pada 26 Ogos 2020, semua pelajar kanan KPMIM yang sedang Belajar Di Rumah (BDR) pada Sesi 2/2020 dikehendaki kembali ke kolej untuk meneruskan sesi Pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka mulai 21 September 2020.

Berikut adalah maklumat penting yang berkaitan untuk makluman saudara/saudari:

#### 1.0 Kemudahan Penginapan di Asrama KPMIM

- 1.1 Kemudahan penginapan di asrama disediakan kepada semua pelajar perempuan.
- 1.2 Kemudahan penginapan kepada pelajar lelaki tidak dapat disediakan secara sepenuhnya berikutan kekangan bilik asrama.
- 1.3 Sila rujuk senarai penempatan asrama yang akan dimaklumkan melalui Telegram Asrama mulai 8 September 2020 (Selasa), jam 3.00 petang.

#### 2.0 Pendaftaran Asrama

- 2.1 Pelajar yang telah ditawarkan kemudahan penginapan di asrama perlu mendaftar pada:

Tarikh : 20 September 2020 (Ahad)  
Masa : 9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari  
Tempat : Asrama Ilham/Asrama Idaman/Asrama Impian

- 2.2 Hanya seorang waris sahaja dibenarkan untuk membantu pelajar membawa barang naik ke asrama dan masa yang diberikan adalah 15 minit sahaja. Ahli

- keluarga lain (jika hadir) tidak dibenarkan turun daripada kenderaan sepanjang tempoh tersebut.
- 2.3 Saringan suhu akan dibuat di pintu masuk asrama. Sila pakai pelitup muka (waris dan pelajar) dan patuh kepada semua *Standard Operating Procedures (SOP)* yang telah ditetapkan oleh pihak kolej.
  - 2.4 Penjarakan fizikal perlu sentiasa diamalkan sekurang-kurangnya 1 meter sepanjang keberadaan di kolej dan amalkan mencuci tangan dengan sabun dan air atau sanitasi tangan.
  - 2.5 Pelajar dari negeri yang telah diisyiharkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam Zon Kuning dibenarkan pulang ke kolej pada 20 September 2020 sekiranya pelajar dalam keadaan sihat dan tiada kontak rapat dengan mana-mana kes positif Covid-19.
  - 2.6 Pelajar yang mempunyai gejala Covid-19, mempunyai kontak rapat dengan mana-mana kes positif Covid-19 atau dari kawasan Perintah Kawalan Diperketatkan (PKPD) secara pentadbiran (pada tarikh pendaftaran) tidak dibenarkan untuk pulang ke kolej sehinggalah pelajar benar-benar sihat / disahkan bebas daripada virus Covid-19 / tempoh PKPD telah tamat. Sila maklumkan secara bertulis kepada Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar melalui emel [mahshithoh.musa@mara.gov.my](mailto:mahshithoh.musa@mara.gov.my) dengan kadar segera.

### 3.0 Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

- 3.1 Sila rujuk jadual waktu terkini yang akan dimuatnaik di laman sesawang kolej ([www.kpmim.edu.my](http://www.kpmim.edu.my)) mulai 11 September 2020.
- 3.2 Sila pastikan anda membuat pemeriksaan suhu badan setiap hari sebelum masuk ke kelas di terminal yang telah disediakan (Tingkat Bawah Blok AB / di luar Pejabat Pentadbiran).
- 3.3 Pelajar tidak dibenarkan menghadiri kuliah sekiranya mempunyai gejala Covid-19 atau suhu badan  $37.5^{\circ}\text{C}$  atau lebih. Pelajar mesti memakai pelitup muka dan segera mendapatkan rawatan di klinik/hospital. Sila rujuk prosedur ke klinik kesihatan yang terkini di Pejabat Pentadbiran.
- 3.4 Sesi kuliah akan bermula pada 21 September 2020 ( Isnin ).

### 4.0 Membawa Kenderaan ke Kolej

- 4.1 Sekiranya pelajar bercadang membawa kenderaan pada Semester 2/2020, sila sediakan salinan semua **dokumen** berikut untuk kelulusan pihak kolej:
  - i) Sijil Pendaftaran Kenderaan
  - ii) Polisi Insurans
  - iii) Lesen Memandu
  - iv) Cukai Jalan
  - v) Surat Kebenaran Pemilik Sebenar Kenderaan (sekiranya bukan milik pemohon)

Dokumen-dokumen berkenaan boleh dimelkan kepada Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar ([mahshitoh.musa@mara.gov.my](mailto:mahshitoh.musa@mara.gov.my)) atau serahkan di Pejabat pentadbiran sebelum 24 September 2020.

## 5.0 Peringatan Penting

- 5.1 Pendaftaran lewat (selepas 20 September 2020) hanyalah dengan kebenaran Pengarah atau Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar sahaja.
- 5.2 Sila pos resit bayaran yuran semester (untuk bayaran yang dibuat di pejabat MARA sahaja) dan yuran Muafakat dengan kadar segera **sebelum 14 September 2020 (Iasnin)** sekiranya masih belum berbuat demikian. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan anda dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir.
- 5.3 Sila semak laman sesawang kolej ([www.kpmim.edu.my](http://www.kpmim.edu.my)) , Telegram MPP atau Telegram Asrama untuk makluman lanjut dari semasa ke semasa.

Kerjasama saudara/saudari dalam perkara yang dinyatakan di atas amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“LUAR BANDAR SEJAHTERA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
HJ. SUWANDI BIN SANUSI  
Pengarah  
Kolej Profesional MARA Indera Mahkota  
Kuantan

Keusahawanan  
& Pendidikan Global  
'Amanah Rakyat'